

# VARSITI

BERITA

bh.com.my

FOTO: ILMU



Bajet kerajaan perlu disalurkan bagi kemajuan sektor pendidikan, termasuk infrastruktur universiti dan kelengkapan bilik kuliah, sebelum pendidikan percuma dilaksanakan.

## Aspek kemajuan, pengukuhan IPT perlu diutamakan

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan  
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**erajaan disaran memajukan dan mengukuhkan bidang pendidikan tinggi di Malaysia, sebelum menawarkan pengajian secara percuma kepada mahasiswa.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Sesi 2017/2018, Muhammad Ammar Rafiq Ruslan, berkata pendidikan percuma adalah tawaran yang pasti menggembirakan mahasiswa tetapi buat masa sekarang, cadangan pelaksanaan itu harus diketepikan sementara kerana masih ada misi penting perlu diberi perhatian.

Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Antropologi dan Dakwah itu berkata, bajet Kementerian Pendidikan ketika ini perlu disalurkan bagi usaha meningkatkan tahap bidang pendidikan tinggi, termasuk kemudahan mahasiswa dan menggalak-

kan bidang penyelidikan serta produk inovasi universiti negara sehingga ke peringkat antarabangsa.

Muhammad Ammar Rafiq berkata, pelaksanaan pendidikan percuma di negara maju ditawarkan selepas aspek kemajuan dan pengukuhan institusi pengajian tinggi (IPT) di sana diberi perhatian sewajarnya.

"Antara perkara perlu diberi perhatian utama adalah menggalakkan graduan lepasan ijazah sarjana muda untuk menyambung pengajian ke peringkat pascasiswazah, iaitu sarjana dan ijazah doktor falsafah dengan menyediakan bantuan kewangan khas bagi membantu individu berminat.

"Dalam menawarkan pendidikan percuma ini, kerajaan perlu mencari mekanisme terbaik menyalurkannya supaya penerima akan benar-benar menghargai usaha dijalankan. Biasalah...benda percuma ini orang akan ambil ringan dan dikhuatiri pelajar tidak bersungguh-sungguh menuntut ilmu," katanya.

**Kajian mendalam**  
Sementara itu, Presiden Majlis Perwakilan Pelajar MPP Uni-



Muhammad Ammar Rafiq



Adib Ashman Burhan

versiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Adib Ashman Burhan berkata pelaksanaan pendidikan percuma adalah 'hadiah berharga' kepada masyarakat, terutama mahasiswa kerana mereka dapat menikmati kebebasan untuk belajar tanpa perlu menanggung beban hutang pengajian, malah golongan kurang berkemampuan mampu menggapai impian untuk belajar di universiti.

"Namun, sebelum dilaksanakan, kerajaan harus memikirkan kaedah penyaluran terbaik kepada mahasiswa, seperti pendidikan percuma ini untuk siapa, adakah diberikan kepada semua atau warganegara sahaja, adakah berkuota atau terbuka, adakah dilaksana di universiti awam sahaja atau semua IPT.

"Di negara luar, antaranya Finland dan Norway, pendidikan percuma untuk IPT diberikan kepada semua pelajar, termasuk dari negara luar, tetapi di Denmark dan Switzerland misalnya, pendidikan jenis ini tidak diberikan kepada pelajar antarabangsa," katanya.

Di Malaysia jika dilaksanakan, beliau berharap pemberian itu dikaji sama ada memba-

bitkan yuran pengajian sahaja atau meliputi yuran perkhidmatan dan yuran penginapan.

### Jejas pendapatan

Adib Ashman Burhan berkata, kerajaan juga perlu mengkaji kesan buruk pelaksanaannya jika ditawarkan dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata, jika dilaksanakan, tindakan itu kemungkinan menjejaskan pendapatan negara kerana hanya berdasarkan mnyak dan cukai, selain tidak menerima bayaran balik pinjaman PTPTN yang masih gagal dilangsaikan graduan terdahulu walaupun jumlah itu mampu digunakan sebagai kos pelaksanaan pinjaman percuma.

"Kita memerlukan masa untuk mengkaji semula relevan atau tidak pendidikan percuma ini.

"Cadangan saya adalah buat masa ini, kerajaan boleh menambah dan menungkatkan jumlah biasiswa untuk mahasiswa yang berkelat, malah menggesa graduan yang tidak membayar hutang pelajaran, termasuk PTPTN melaksanakannya sebagai menjana pendapatan kementerian," katanya.